

1. **Skim Perkhidmatan** : Penolong Pegawai Undang-Undang  
**Gred** : L29  
**Klasifikasi Perkhidmatan** : Perundangan dan Kehakiman  
**Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana  
**Taraf Jawatan** : Kontrak  
**Tempoh Lantikan** : 2 tahun  
**Kekosongan Jawatan** : 1 kekosongan

**Jadual Gaji**

<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
RM 1,773.00	RM 5,674.00	RM 145.00

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklanjawatan; dan
  - (c) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,773.00); atau
  - (d) diploma undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,847.86).
2. Calon bagi lantikan hendaklah **lulus empat (4) mata pelajaran** dan **memiliki Kepujian dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- Fungsi Bidang Tugas** :
- a) Membantu mengurus, merekod e-mel dan surat yang diterima oleh Seksyen Undang-Undang.
  - b) Menyelaras dan melaksanakan urusan berkaitan surat/dokumen dalaman untuk dimajukan kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor dengan kadar segera.
  - c) Membantu mengurus, menyemak dan merekod dokumen-dokumen di Seksyen Undang-Undang.
  - d) Mengemaskini data pendakwaan dalam rekod Seksyen Undang-Undang.
  - e) Membantu Pegawai Undang-Undang dalam penyediaan draf ulasan dan pandangan berhubung isu perundangan.
  - f) Menguruskan data/dokumen Pegawai Undang-Undang.
  - g) Membantu Pegawai Undang-Undang menyediakan dokumen, surat atau memo seperti yang diarahkan.

## CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dilakukan secara dalam talian di <https://jawatan.johor.gov.my>

**TARIKH BUKA PERMOHONAN PADA : 27 MAC 2023**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA : 9 APRIL 2023 JAM 5.00 Petang**

### 2. Catatan Am :

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/ senarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport terkini, salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran, sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan, serta Salinan pengiktirafan kelayakan dari Agensi kelayakan Malaysia (MQA) bagi kelulusan Diploma yang telah diakui sah salinannya.
- iii. Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan, Badan-badan berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan **sekiranya dipanggil temuduga**, hendaklah menyertakan Surat Sokongan dari Ketua Jabatan, Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini berserta Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi 3 (TIGA) tahun terakhir, **secara fizikal**
- iv. Cetakan borang daripada system hendaklah dicetak bagi calon yang dipanggil untuk proses temuduga
- v. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari Tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- vi. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab oleh pemohon sendiri.

**SETIAUSAHA BAHAGIAN,  
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR  
ARAS 1 & 2, BLOK B  
BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD  
KOTA ISKANDAR  
79503 ISKANDAR PUTERI  
JOHOR**